



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	SHAHBUDINDOTCOM
Date	13 JULY 2016

PARTI BARU MEMBUKA RUANG LEBIH LUAS UNTUK PERUBAHAN

Shahbudindotcom - 13 Julai 2016

Bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad dilaporkan dalam peringkat akhir untuk menubuhkan sebuah parti politik baru sebagai wadah pilihan bagi meneruskan usahanya untuk menjatuhkan Najib Razak yang terpalit dengan skandal kewangan terbesar serta untuk memulihkan kembali imej negara yang sudah tercalar teruk di peringkat antarabangsa.

Difahamkan bahawa beliau akan mengambil alih sebuah parti politik sedia ada yang tidak aktif dan kemudian akan menukar nama serta perlembagaannya mengikut kesesuaian perjuangan yang ingin dibawanya. Parti baru ini akan memberi fokus untuk menarik ahli-ahli UMNO yang tidak setuju dan menyampah dengan Najib untuk menyertainya, selain rakyat biasa yang sealiran dengan perjuangan bekas Perdana Menteri itu.

Bersama Muhyiddin Yassin dan Mukhriz Mahathir yang akan turut bersama parti baru itu, ia akan bekerjasama dengan Pakatan Harapan untuk menentang BN dalam pilihanraya umum akan datang.

Tun Mahathir bagaimanapun tidak akan bertanding dalam pilihanraya, sebaliknya hanya berperanan untuk memastikan kelancaran perjalanan parti dan kerjasama mantap dapat dijalinan dengan Pakatan Harapan.

Shafie Apdal diberitakan kemungkinan besar tidak bersama parti baru ini, sebaliknya akan menubuhkan sebuah parti lain yang memberi fokus untuk Sabah, tetapi tetap bekerjasama dengan Pakatan Harapan untuk memastikan lebarnya "simpanan tetap" BN di negeri itu .

Dengan adanya parti baru inisiatif Tun Mahathir ini, ia adalah peluang terbaik untuk rakyat dan pengundi membuat pilihan yang lebih baik bagi menyelamatkan negara dalam pilihanraya nanti. Ini kerana, walaupun UMNO dan BN ada jasa-jasanya yang tersendiri, selagi ia dipimpin oleh Najib, segala-galanya tidak bermakna lagi dan lebih memudaratkan negara.

UMNO, BN dan kerajaan di bawah Najib tidak lebih sebagai alat mengumpul kekayaan dan mencuri harta negara atas nama ketuanan Melayu yang hanya dibalas dengan "jemput-jemput manis" bernama BRIM tanpa mereka sedari ia kemudian ditarik balik melalui GST, pembatalan beberapa subsidi serta penambahan beberapa kenaikan kos kehidupan lainnya.

Oleh kerana Najib telah menutup semua ruang untuk melawan dan menjatuhkannya secara dalaman melalui UMNO, satu-satunya jalan yang ada ialah melalui pilihanraya. Inilah tujuannya Tun Mahathir menubuhkan parti baru dan bekerjasama dengan Pakatan Harapan.

Ini bermakna dalam pilihanraya akan datang, menyokong UMNO dan mengundi BN bermakna memberi ruang untuk Najib terus berkuasa dan kita akan terus "sakit hati" atau memendam rasa dengan pelbagai karehannya, perangai bini serta lain-lain kelakuan keluarga dan kerabatnya.